

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan siber Kerajaan terutamanya dalam menangani masalah berita palsu yang terus-menerus memburukkan hubungan di antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara kita berserta dengan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) sentiasa melaksanakan hebahan maklumat yang sahih dalam memberi penjelasan untuk memupuk perpaduan dan mengatasi masalah polemik perkauman yang kian meruncing.
2. Di samping itu, JaPen turut melaksanakan perkongsian maklumat untuk mendidik masyarakat supaya menyemak dan memastikan kesahihan maklumat yang diterima sebelum dikongsi di media sosial.
3. Sejak Januari hingga Jun 2020, sebanyak 203 hantaran (*posting*) mengenai berita palsu telah dimuat naik merangkumi infografik, video dan kenyataan media daripada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), RTM dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain di media sosial rasmi JaPen (*Facebook, Instagram, Twitter, Youtube*). JaPen turut menghasilkan sebanyak 19 infografik bagi tempoh tersebut.

4. KKMM melalui Pasukan Respons Pantas (PRP) menjalinkan kerjasama strategik di antara KKMM dan jabatan/agensi Kerajaan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai KKMM, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), BERNAMA dan JaPen.
5. Secara dasarnya, PRP KKMM ditugaskan untuk menangani berita palsu sebagai contoh dakwaan jangkitan COVID-19 melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Ini kerana isu-isu yang dinyatakan menarik perhatian rakyat dan berpotensi memberi impak negatif menimbulkan keresahan di kalangan rakyat sekiranya tidak ditangani lebih awal sehingga memungkinkan berlakunya insiden-insiden yang tidak diingini seperti *panic buying* dan rusuhan seperti yang berlaku di luar negara.
6. PRP KKMM beroperasi untuk memantau setiap saluran media sosial secara menyeluruh meliputi *Facebook, Twitter, Instagram, Telegram* dan aplikasi *WhatsApp*. Seterusnya, isu-isu yang dikenalpasti belum ditentukan kesahihan akan dikemukakan kepada kementerian / jabatan / agensi yang berkaitan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) PRP KKMM yang telah ditetapkan untuk mendapatkan pengesahan dan maklumbalas. Komunikasi dua hala antara PRP KKMM bersama pegawai kementerian / jabatan / agensi berkaitan bagi mendapatkan pengesahan kesahihan terhadap sesuatu isu kebiasaannya mengambil masa minimum selama 30 minit dan maksimum sehingga 3 jam.
7. Setelah mendapat pengesahan bagi isu yang dikenalpasti, draf penafian berita palsu dikenali sebagai 'Pemakluman Berita Palsu' akan disediakan dalam kadar segera dan disiarkan mengikut waktu siaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat juga siaran khas bagi isu kritikal dan *ad hoc* sekiranya menerima arahan daripada Pejabat Perdana Menteri (PMO). Sehingga 5 Julai 2020, sebanyak 347 penafian berita palsu telah diperjelaskan kepada masyarakat.

8. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga turut melancarkan Kempen 'Kebebasan Bersuara bukan Kebebasan Berbohong' (*The Truth Campaign*) bagi tempoh tiga (3) bulan bermula 10 Julai 2020 bagi mencegah penularan penyebaran berita palsu..
9. Tujuan kempen ini adalah untuk mewujudkan kesedaran serta mendidik rakyat supaya tidak melanggar batasan kebebasan bersuara yang diberikan sehingga boleh mencetuskan kekeliruan di khalayak ramai.
10. Kempen ini dimulakan dengan pelbagai artikel diterbitkan dalam surat khabar dan temuramah di stesen-stesen televisyen. Pihak SKMM juga telah menyediakan beberapa poster kempen untuk dikongsi dan dimuatnaik di laman media sosial yang menekankan pelbagai etika berkaitan kebebasan bersuara seperti bijak menilai, bercakap benar, beringat bila bercakap dan sebagainya.
11. Selain itu, fakta Penafian Berita Palsu turut dibacakan oleh Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) semasa Sidang Media Harian *Non-Health* yang disiarkan secara langsung di saluran televisyen, paparan infografik di RTM, BERNAMA, Portal Sebenarnya.my, telegram rasmi MKN, *crawler* televisyen dan radio di samping menjadi sumber utama yang dikongsikan di media sosial rasmi kementerian/jabatan/agensi dan orang awam di seluruh negara.
12. Akhir sekali, ianya adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk terus mendidik masyarakat akan cara menggunakan kebebasan bersuara yang sedia ada secara berhemah tanpa menyebarkan penipuan dan maklumat palsu.